

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

HKB 310 - Kesusasteraan Benua Kecil India

Tarikh: 11 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. "Di dalam usaha saya mendedahkan selok-beloknya perhubungan di antara manusia," kata Mulk Raj Anand, "saya menggunakan bentuk 'tragi-comedy' demi menolong saya mencapai nada karuna ataupun kerahiman."

Setakat manakah Anand berjaya menunaikan hasrat ini di dalam Untouchable (Paria)?

2. Kajikan signifikan jenis-jenis kesenian yang dipaparkan di dalam The Sweet Vendor dan kaitkan huraian anda kepada perkembangan rohaniah watak Jagan.

3. **SAMA ADA**

- (a) Analisis secara mendalam dua(2) penyair yang dikaji supaya menjelaskan sejauh manakah mereka berjaya mengemukakan sesuatu wawasan yang segar tentang kerumitan hidup.

**ATAU**

- (b) Dengan menganalisis dua(2) penyair yang dikaji, tunjukkan setakat manakah mereka berjaya menggunakan Bahasa Inggeris untuk menggambarkan respons seseorang India terhadap keanekaragaman hidup.

4. Kajikan mana-mana dua(2) cerpen ("Bapu", "Javni", "a Woman Is Dead"). Nyatakan setakat manakah pengarang-pengarang terpilih berjaya di dalam penggunaan bentuk cerpen bagi meneroka dilema hidup protagonis-protagonis masing-masing.

5. "Walaupun mereka memperlihatkan keganasan yang menyalahi kesusilaan, juga sikap hina, benci, tamak, cemburu dan dengki, saya percaya bahawa manusia, sama ada perempuan ataupun lelaki mencari persefahaman dan inginkan perhubungan. Mereka ingin juga mencurahkan kasih sayang yang tersirat di dalam diri mereka" (Mulk Raj Anand).

Dengan rujukan kepada pendapat Anand, analisiskan setakat manakah Markhandaya mempersembahkan keindahan dan harapan di dalam Nectar in a Sieve (Madu Dalam Saringan).

-ooo000ooo-